

KEBAIKAN

- Tidak mencemarkan alam sekitar
- Selamat kepada pengguna
- Menjimatkan kos
- Tidak membunuh serangga pemangsa
- Mesra alam dan pengguna
- Meningkatkan hasil pendapatan
- Meningkatkan kesuburan tanah
- Boleh diproses sendiri oleh petani

PENUTUP

Teknologi ini diharapkan dapat memberi pilihan kepada pengusaha pertanian dari segi kawalan perosak pada tanaman. Tanpa menggunakan bahan kimia, pengusaha bukan sahaja dapat menjimatkan kos tetapi juga secara tidak langsung dapat membantu menghasilkan makanan yang selamat dimakan dan bebas daripada residu kimia sintetik.



Terbitan:
JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
Aras 7-17, Wisma Tani,
Lot 4G2, No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 W. P. Putrajaya
✉ [http : www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my)

Untuk maklumat lanjut :
Bahagian Hortikultur


☎ 03-8870 3412

☎ 03-8888 8319



JABATAN
PERTANIAN

KAWALAN PEROSAK *Secara* NATURAL FARMING



PENGENALAN

Pengurusan perosak tanaman boleh dilaksanakan secara pengurusan perosak bersepadu sama ada kawalan secara kultura, fizikal, biologi, perangkap dan *biopesticide* bagi memastikan keberkesanan kawalan. Salah satu daripada konsep pengurusan bersepadu adalah menggunakan kaedah *Natural Farming* (NF). Kaedah NF ialah satu kaedah di mana kawalan perosak adalah menggunakan bahan yang selamat dan terdapat di persekitaran tanpa penggunaan bahan kimia. Ianya merupakan amalan pertanian yang tidak memudaratkan manusia, alam sekitar bagi menjamin kualiti alam sekitar dan pertanian yang mampan. Beberapa jenis serangga perosak yang sesuai dengan kaedah ini ialah lalat putih, aphids, hama dan kutu thrips. Kaedah ini juga boleh mengawal serangan kulat seperti antraknos, *downy mildew* dan *powdery mildew*.

1 Kawalan Lalat putih (White fly)

Bahan:

- 1 ulas bawang putih +
- 1 liter air

Cara Penyediaan:

- Bawang putih dicampur air dan dikisar
- Tapis dan ambil airnya
- Sembur pada waktu pagi dan ulangkan selepas 3 hari jika masih terdapat serangan



KAWALAN MUSUH

2 Kawalan Aphids

Bahan:

- 100 gm sabun buku cap kapak
- 10 liter air tanpa klorin

Cara Penyediaan:

- Sabun dipotong nipis, masukkan ke dalam 2 liter air tanpa klorin dan masak sehingga larut.
- Masukkan air tanpa klorin sebanyak 8 liter ke dalam tong.
- Masukkan air sabun yang telah larut ke dalam tong yang berisi 8 liter air dan goncangkan.



Cara Penggunaan:

- Masukkan 400 ml air sabun ke dalam pam penyembur yang mengandungi 18 liter air tanpa klorin.
- Semburan dilakukan pada waktu tengahari.

3 Kawalan Hama dan kutu thrip (Mites and Thrip)

Bahan:

- 30 - 40 biji cili api
- 20 liter air

Cara Penyediaan:

- Cili api dicampur dengan air dan di kisar.
- Tapis dan ambil airnya.
- Kemudian air tapisan tersebut dicampurkan ke dalam 20 liter air.



Cili api dikisar dan ditapis

- Semburan dilakukan di permukaan bawah daun pada waktu tengahari.

4 Oriental Herbal Nutrients (OHN) - Kawalan Kulat Kulapuk Downy (Downy Mildew) dan Kulapuk Berdebu (Powdery Mildew) dan Antraknos

Bahan:

- 1 kg bawang putih atau 1 kg halia
- Kertas putih tanpa karbon
- Tali
- Bekas plastik



Campuran bawang putih dan gula merah

Cara Penyediaan:

- Bawang putih atau halia dikupas kulit dan dihiris
- Gaul bersama gula merah.
- Masukkan ke dalam bekas plastik, ditutup dengan kertas putih dan diikat dengan tali.
- Selepas seminggu ditapis dan disimpan dalam botol.

Cara Penggunaan:

- 20 ml larutan OHN dicampurkan dengan 18 liter air tanpa klorin dan disemur pada tanaman.

